Telur :Ya laa.. Apa yang korang buat ni kecil sangat macam kuman jee.. betul tak?

Rulet :Err... betul la kot? Maklum la bilangan budak-budak ni sikit jee.. kira minoriti la dalam masyarakat....

Telur :Apa nama buku yang ko selalu baca tu..? Zine? Bermesej konon.. tak de mesej pebenda pun aku nampak.. asik-asik bincang pasal selera seks orang jee.. heh.. heh...

Rulet :Itu zine mana yang ko baca.. itu zine yang aku buang dalam tong sampah.. apsal ko baca yang tu..? Kalau ko nak baca yang betul-betul ada mesej, nanti aku tunjuk kat kau.. Kalau betul-betul punya zine, ko akan faham yang aku maksudkan dengan mesej.. sebab underground ni bukan sekadar musik dan 'selera seks', tapi pasal banyak perkara penting dalam hidup, aku bagi satu contoh; D.I.Y = Do It Yourself = Buat Sendiri. Maknanya hidup secara berdikari dengan mengurangkan penglibatkan golongan kapitalis. Tentu ko tak tau ni kan, Telur?

Telur : Sapa la nak baca zine dari 'kuman' tuu...?

Rulet : 'Kuman' memanglah buat zine untuk dibaca oleh 'kuman'. Kepekaan 'kuman' tinggi untuk mengatahui apa yang berlaku didunia / dalam diri ini, tak mengharapkan TV dan surat khabar harian yang serba menipu tu...

Telur : Eleh... katun kamu tengok jugak kat TV tu Rulet.. Kalo surat kabar ada berita Siti Nurhakliza kau baca jugak...

Rulet : Ya la tuu... lantak kamu laa.. aku nak pegi gig ni. Jumpa lagi la Telur..

Telur :Hahahahaha.... gig? Hahahah..

Rulet :Apsal ko gelak ni ?

Telur :Apa la yang best gig tu? Dah la malalak!... mesej jauh sekali aku rasa...

Rulet : Gig-yang 'malalak' tu... bukan memalak yang panting. Lebih penting semua 'kuman' dapat dapat bersatu di satu tempat untuk berkenalan, bertukar pendapat dan

mendapatkan hasil karya 'kuman' yang lain seperti zine, demo, patch, dan lain lain.

Telur : Elok la tu.. mula-mula berkumpul, lepas tu mabuk. Lepas mabuk, gaduh pulak... Tak usah pegi la Ruler.. buat sakit badan jee..

Rulet : Hmm.. Pada yang mabuk dan gaduh tu.. golongan minima yang tidak menepati tujuan gig.. Malanglaa..

Telur :Kau dengar ni Rulet, aku nak nasihat kau kat sini. Tak berbaloi jadi 'kuman' ni.. buat diri sendiri glamor dengan pakaian paling lusuh.. Lepak kat pasaraya - pastu buat bising, aku tengok pun tak senang...



Rulet : Lepak kat pasaraya pun salah ke..?! Yang penting kita tak kacau orang. Kita buat hal sendiri aje macam tukar stuff, bincang, forum, dan lain-lain. Sebenarnya 'kuman' pun tak berapa suka lepak tempat umum macam pasaraya tu, tapi dah dikira 'terpaksa' kerana tak semua 'kuman' punya tempat tinggal sendiri untuk berkumpul.. macam aku laa.. aku pun duduk umah mak-bapak aku.. takkan aku nak ajak semua 'kuman' lepak umah aku.. maunya kena kejo ngan parang dek ayah aku.. Tapi aku rasa 'kuman' lagi elok la dari hamba-fesyen yang bawak radio besar dan menari loncat-loncat kat pasaraya-nun...

Telur : Tapi kalau tak kacau orang tu bagus laa.. tapi pemakaian tu cuba la elok sikit.. lusuh benor aku tengok..!

Rulet : Oh.. 'lusuh' dan 'huduh' tu biasala.. Tak tau la pandangan orang, tapi 'kuman' takkan menghukum atau menilai seseorang dari apa yang dia pakai atau tidak pakai. Yang penting hati... Macam kau laa.. walau pun kau ni selalu saiko aku, tapi hati kau baik kan..?

Telur : Ye ke..? Hihihi... okey laa.. pegi la kau tempat huha-huha tuu... Tapi aku tetap rasa apa yang 'kuman' perjuangkan ni tak berfaedah sebab korang ni sikit sangat dan menentang benda yang besar sangat!

Rulet : Besar sangat..? mungkin juga. Perjuangan 'kuman' ini banyak menentang sistem. Sistem yang sudah sekian lama didedahkan kepada semua orang. Sehinggakan ramai memikirkan sistem yang didedahkan kepada mereka adalah yang terbaik. 'Kuman' tidak berfikiran begitu. 'Kuman' peka dan belajar apa yang baik dan buruk. Sekecil manapun kita orang ni.. bayangkan - **cubalah berada dalam bilik dengan seekor nyamuk yang kecil. Boleh ke kau tak pedulikan nyamuk itu?**

Telur : Er.... Hmm...

Rulet : Weh.. aku dah lambat ni... aku gerak dulu laa.. Jumpa lagi nanti,ok.

Telur : Hm.. er... Rulet!

Rulet : Apa..?

Telur :Aku ikut boleh?

Rulet : Ikut? Heh.. ok! Jom laa..

Dan mereka berdua pun pegi ke gig. Apabila sampai, gig dah sampai ke tengah jalan... Telur tak masuk ke gig, tapi mengajak Ruler menengok stuff yang dijual. Telur membeli beberapa zine. Rulet melihat perubahan mendadak Telur dengan senyuman .☺

E & K

(inspirasi oleh seorang Prof)

E dan K ialah huruf yang semakin luas digunakan bagi aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh manusia. 'e-mail', 'k-ekonomi' lain-lain benda yang 'baru' dan terlalu banyak hunggakan aku rasa dah tak terkejar.

Huruf **'E'** mewakili *'electronic'* (elektronik). Maksudnya urusan dilakukan dengan mudah dan cepat – dibuat secara *on-line*. Contoh paling senang, e-mel. Surat dihantar dengan cepat dan **murah**. Beza paling ketara adalah kepantasan (kurang 1 minit dah sampai!) jika dibandingkan dengan surat menggunakan setem (tidak termasuk surat 'cinta' yang di sampaikan melalui tangan dalam kelas masa sekolah dulu, cepat giler.. nak-nak masa preksa, lagi laju, tahap laju giler!). Aku rasa ramai dah tau benda ni..

Okey.. ni yang aku mahu kita amik sikit perhatian. **'K'** mewakili *'knowledge'* atau pun **ilmu.** Bermakna segala urusan berdasarkan ilmu. Contoh, k-ekonomi, ekonomi berdasarkan / berasaskan ilmu. Tak perlu terang panjang disini kerana ada benda yang lebih penting yang nak aku sampaikan.



Adakah urusan manusia sekarang yang berasaskan huruf **'K'** (ilmu) ini benda yang baru ?? Adakah sebelum ini urusan tidak berdasarkan ilmu? Hahahah.... kelakar bukan....?



Pernah tak dengar **"Tuntutlah ilmu walau sampai ke negeri China" ..?** Untuk pengetahuan semua , sabda tersebut adalah dari **Nabi Muhammad SAW** yang tinggal di tanah Arab nun pada lebih seribu tahun dahulu!! Dan jika kita berada disana (Arab) , dan kita korek tanah disitu... korek punya korek.. pasti kita akan tembus ke negeri China. Bermakna China adalah negeri paling jauh dari tanah Arab. Kenapa begitu jauh untuk menuntut ilmu??

Apa yang nak aku katakan disini adalah **jangan jemu menuntut ilmu**. Tuntutlah ilmu dengan siapa sahaja, dimana sahaja,formal atau tidak formal tak kira kita nie tua atau muda. Takde had umur untuk belajar nie.. Pernah tak dengar *"knowledge is power"* **(ilmu itu kuasa).**Kuasa apa? Sudah pasti kuasa diri untuk menghadapi apa saja di dunia alam fana cinta nie..

Berbalik kepada **'K'** tadi, sebenarnya itu benda lama **Sudah lama di syorkan** sebenarnya. Mungkin untuk beri nafas baru atau mungkin untuk nampak gah untuk *alaf baru yang tak baru* nie...

Namun yang pasti.... proses pembelajaran / menuntut ilmu tidak boleh berhenti. **Ilmu itu kuasa untuk kawalan diri. Tanpa kawalan diri-siapalah kita...?**

Although slavery was abolished over one hundred years the memory is encrypted in minds today. A contemporary reggae artist, Mutabaruka, reminds us of the pains of slavery in his song "Remembrance". Reggae is in a way interpreted as a voice of the oppressed that should not be forgotten. Slavery was abolished; however, its repercussions are still being dealt with. The main point of reggae music is to identify history and in this particular song, slavery :

Remembrance

An afta suh much years
Wi still a cry tears
Fram offa wi foot dem teck de chain
Nowit seem dem pur it pon wi brain
So wi afi remine yuh
Wi afi remine yuh
Bout de rowin of de boat
De bodies dat float
De travel crass de sea
Dat rab wi libatty
Bout de missionary dem
Dem she dem a wi fren
Who rab wi a wi gold
An' wealth untld
An' de pie
In de sky
Afta wi die
Mi afe rimine yuh
Mi she mi afe rimine yuh
Bout de cotton a de cane
Dat wi plant ina rain
An' de sun ina wi back
De whip dat crack
Bout garvey malcom lumuba an de rest
Woh walk dis lan' wid a freeman plan
An blood di run
Fewi freedom
An de fire in wi eye
Wen wi si how much die
An de chain roun wi neck
Wi ooman dem teck
An whip whip whip
Mi seh mi afi remine yuh
Mi afi remine yuh
Bout colonial rule
Dat tin wi fool
Usi wi like tool
Meck wi wuck like mule
An dem mash up wi plan
Cause dem neva andastan
Fi dem religion
An de pain
An de chain
Still hang pon wi brain
An de sons that die
Wi still ask why
Mi afi remine yuh
Mi afi remine yuh



cinta

"cinta itu indah"
"aku cinta padamu"
"cinta itu buta"
"cinta?boleh bla!!"
"kau cinta aku tak?"

Diatas merupakan contoh dialog yang mempunyai perkataan *'cinta'* . *"Apa itu cinta?"* Duh! Soalan yang begitu mudah dan jawapannya pasti berlainan dari setiap orang. Cinta ni untuk siapa? Dengan siapa kita 'patut' bercinta ? Tuhan ? Kekasih ? Keluarga ? Duit ? Makanan ? atau dengan hidup itu sendiri ?

Sedar tak bahawa penglibatan kita dalam scene ni adalah berasaskan *cinta* ? Mungkin ramai tidak menyedarinya . mungkin ramai dari kita terlalu banyak didedahkan kepada bahagian **'ganas'** dan **'benci'** yang ada dalam scene kita . Maksud aku dari penglihatan *(pemakaian / perbuatan)* dan pendengaran *(lirik / kata-kata)* yang mudah ditafsir sebagai **'tidak cinta'** .



Arrrgghhh!! Mungkin korang ingat aku dah mula *'jiwang karat'* atau sebagainya...! Okey..biar aku bagi satu contoh disini;

Kita 'menyerang' satu syarikat rakaman *(yang tak perlu aku sebut namanya, sudah sedia maklum!)* yang mengatakan diaorang adalah *syarikat rakaman yang mewakili U/G scene di Malaysia.* *'Serangan'* boleh dikatakan dibuat oleh zine dan ada juga buat melalui lagu dengan lirik maki-hamun kepada syarikat rakaman ini dengan mesej agar syarikat ini mesti diboikot . Aku rasa mesej ini diterima oleh majority budak dalam scene .



Dan sekarang syarikat rakaman tersebut dah *tak de!* Dan adakah perjuangan kita selesai ? **TIDAK!!** Kenapa? Bukankah syarikat *(yang kita 'benci' tu lah..)* tu sudah tiada? Adakah kita dah berjaya ? Adakah kita berhenti disini ? Kenapa kita masih disini sedangkan kita dah *'menang'* ?

Jawapannya adalah tidak lain dan tidak bukan ialah **'C I N T A'** . Kita bukan benci sangat kat syarikat rakaman tu , sebenarnya kita lebih cintakan muzik **DIY** yang mana itu adalah salah satu etika yang kita pegang! Betul tak ....???!

Korang faham tak apa yang aku cuba sampaikan kat sini ? Kita sebenarnya ***punyai banyak cinta dalam diri*** kita . Kita hanya perlu selam diri sendiri . Pasti kita akan ketemui cinta yang kita cari ☺

POEM BY AN AFRICAN MAN

DEAR WHITE FELLA,
COUPLA THINGS YOU SHOULD KNOW

WHEN I BORN, I BLACK
WHEN I GROW UP, I BLACK
WHEN I GO IN SUN, I BLACK
WHEN I COLD, I BLACK
WHEN I SCARED, I BLACK
WHEN I SICK, I BLACK
AND WHEN I DIE, I STILL BLACK

AND YOU WHITE FELLA,

WHEN YOU BORN, YOU PINK
WHEN YOU GROW UP, YOU WHITE
WHEN YOU GO IN SUN, YOU RED
WHEN YOU COLD, YOU BLUE
WHEN YOU SCARED, YOU YELLOW
WHEN YOU SICK, YOU GREEN
WHEN YOU DIE, YOU GRAY.

AND YOU CALLING ME COLORED??



"Polis santri.. want to jaga..."

POLIS. Aku ni dulu, asal sebut aje polis, aku terus naik benci.. sebab ramai kawan aku yang cerita pasal 'kezaliman' polis. Tapi lepas sekali tu aku aksiden motor, orang yang aku dok benci itulah yang tolong aku sampai ke hospital. Sambil terbaring kat hospital tu aku terpikir laa... mengenai polis dan 'kebencian' aku ni. Benci tak pasal-pasal plak aku rasa. Bukan semua polis jahat! Tapi malangnya, kehidupan kabanyakan dari kita (U/Gers) banyak terdedah dan kadang-kadang 'berurusan' dengan polis yang kurang ikhlas dalam menjalankan tugas. Siapa yang tak biasa dengar polis mintak 'duit kopi' ? Kan 'benda' tu dah biasa... Polis yang amalkan perkauman jangan cerita laa.. kat TV pun aku nampak. Emm.. polis yang 'menghukum' / syak kawan-kawan kita jahat hanya kerana pemakaian diorang, pun ada! Dan macam-macam yang kita jumpa dan dengar. Kesimpulan yang senang - 'polis adil polis dihormati, polis zalim polis dibenci (dan layak ditunjuk jari tengah!)



"Mana arah ke barat aa...? Kiri ke, kanan..?"

BARAT/TIMUR. Apa dari barat? Apa dari timur? U/G dari barat? Ya! Memang pun! Asalnya dari barat. Tapi kata seorang kawan aku; "punk-rock bukan dari barat, ia adalah global" Tapi pada dasarnya aku rasa dia dan aku setuju perkara yang sama. Tak kisah sangat dari mana datangnya sesuatu itu, asalkan ia baik untuk kehidupan yang lebih baik. Namun bagitu, walau macammana kita cuba menggunakan idea yang sama ini (U/G), aku percaya masing-masing punyai identiti sendiri; bahasa, makan, tempat lepak, pakaian, selera muzik, dan lain-lain. Dan identiti inilah yang membezakan kita sedikit (menjadikan kita lebih pelik ataupun istimewa?). Yang pasti kita berkongsi etika, perjuangan, & cinta yang sama!

DIY, maka tak U/G la diorang tu walau mereka masih beranggapan 'mereka masih U/G' - dengan definasi 'U/G' yang baru! Nak pergi ke 'gig besar' diorang? Nak beli ke keset diorang dibawah major label tu? Nak pergi ke tengok pelancaran album mereka? Alamak.. aku tak dapat jawap semua itu untuk korang. Tapi bagi aku, aku tak 'mampu' nak keluarkan duit dan tenaga untuk 'band-band itu'. Kalau korang nak beli, beli laa.. aku tak kisah, duit korang, kan? Hehe hehe.. aku pun kalau ada duit nak jugak mahu lengkapkan koleksi album Bob Marley - walau pun dijual dikedai kaset dengan harga yang mahal! (aku , saya dan hipokritnya). Macam mana dengan persahabatan? Nak kawan lagi ke dengan diorang? Mestilah!!! Janji diorang masih seperti yang kita kenal - kecuali dalam bab DIY!. Kawan takkan putus walau apa pun. Tapi, kalau dah jadi 'artis' dan mula menyombong, bagi penyepak ajee... Wattchaa!!! Hahahah... Relak laa.. Aku takkan nak hukum orang lain atas dasar di syarikat mana dia bernaung, tapi aku lebih suka punyai kawan yang punyai semangat persahabatan.

Memerlukan lebih dari 'major label' untuk memisahkan kawan! :)



"Roda kau 4, roda kau pulak ada 8, aku naik bas jee..bas berapa roda aa..?"

PAPAN LUNCUR & KASUT RODA. Aku minat betul tengok bebudak main sk8 (skate) ni.. Diorang punya aksi... wow!! Memang mengkagumkan! Macammana dengan '8 wheeler' ? Aku ada la perasan sesuatu, ada sesetengah pemain sk8board ni 'anti' dengan budak main kasut roda ni. Sebabnya - kasut roda itu sendiri! Ye ke? Ada ke macam tu? Kalau ada, memang ke' prejudis' an tahap pertinggi la tuu... Pada aku laa, bukan papan luncur atau kasut roda yang menentukan hati seseorang tu.. betul tak? Apa la salahnya kalau main dan berseronok sekali dan lupakan 'mitos' perbezaan papan lucur & kasut roda. Yang penting - 'badan cergas, otak- cerdas!' Yeah... hihihi... :)

T.V dan aku

Aku dah hampir 2 tahun 'tampal' patch "KILL YOUR TV!" (bunuh TV anda!) kat beg aku. Dan pastinya soalan *'cepu emas'* yang selalu ditanya oleh kawan-kawan aku - *"Ko tengok TV tak?"*, *"Kau tak tengok TV ker?"*. Dan kalau yang ada lagi brutal terus aje sound - *"Kau ni hipokrit la Rule, kau kan tengok TV!!"*.

Ikutkan *nafsu-nafsi* aku, aku cabut aje patch tu. Senang.. takde orang nak saiko aku... relek sikit. Takde la bosan nak terang/jawap benda yang sama!

Sayangnya... aku bukan jenis yang ikut hawa *nafsu-nafsi* ala kuda tu.. Bahkan aku suka bila orang tanya, dan lagi suka kalau dapat bincang mengenainya (T.V).

Pembohong besar la jika aku kata aku tak tengok TV. Aku yang dah tua nie pun minat katun oo..! Gila kau.. katun dan seanggkatan dengan nya tu.. best apa !! *Tanderket, Silberhok, Ninjaboyz, Futurerama, Selemun, Gabang, Baje Hitam* dan *belambok wok* lagi crita yang aku minat! Dan terbuktilah betapa *'hipokrit'*nya aku dengan patch "Kill Your TV!".

Aku takde masalah dengan orang-orang yang menonton TV. Rumah aku pun ada 3 bijik. Rumah tuk aku ada 2 bijik! Boleh dikatakan kat mana-mana aku lepak ada TV. Kat terminal.. kat kedai mamak..! Sebut aje.. kat dalam laut aje yang takde! (kalau ada pun, TV rosak yang kena buang atau TV dalam kapal selam!)



Okey.. Definasi aku untuk "Kill Your TV!" adalah bermaksud aku nak aku dan kawan² aku buang (bunuh!) tabiat/ketagihan dalam menonton TV. Bayangkan.. ada yang tak boleh kawal emosi (lalu menggelepar macam ayam kena sembelih!) kalau terlepas satu siri Mariyam Marianos kat TV tu... Itu yang aku tak mahu.. Ketagihan/Pengaruh TV juga aku yakin salah satu punca kegagalan institusi kekeluargaan dan punca keruntuhan moral para penontonnya. Ada yang dah tak peduli nilai kekeluargaan lagi selepas di suntik/racun pemikiran mereka dengan cerita kat TV nun. Itu yang pertama.

Yang kedua, TV jua telah menyebabkan lahirnya golongan pro-television (pro-TV)! Dimana golongan ini

mempercayai TV 100%. Mereka percaya semua dalam TV tu betul belaka, takde yang salah! Tak kira la berita ke, *'kisah benar'* ke, gusti ke (!), dan macam-macam benda-benda *pedo'oh* dalam TV. Yang memburukkan keadaan, TV dimanipulasi oleh ahli politik untuk sebarkan propaganda dan ntahapaapantah perkara lagi.. Itu yang paling mengecewakan aku TV kat Malaysia nie.. ☹

Tiga, Sedih tapi benar..! Katun juga meracun fikiran kanak² (serta aku skali kot??) dalam 'mempromosi' cara hidup yang penuh fantasi. Main dam ajaib laa.. kerusi terbang laa.. kereta terbang laa.. paling bangsat... *teletabis!!* Aku pun pening dengan budak² sekarang. *Teletabis* pun diaorang minat!!? Lepas tu mak bapak pulak jadi mangsa.. kena pulak beli patung mainan 'macam dalam TV tuu..' Sian mak bapak.. Apa boleh buat beli aje laa.. kalo tak merajuk pulak...

Sebenarnya, banyak lagi yang boleh diceritakan apabila bercakap mengenai TV. Tapi secara asasnya .. aku katakan bahawa tidak salah menonton TV. Tak salah kalau nak berhibur dengan TV. Ketahui sempadannya. Gunakan TV, jangan digunakan oleh TV tuh.. *fak teletabis!*

KISAH POKOK EPAL.

(Untuk renungan bersama)

Suatu masa dahulu, terdapat sebatang pokok epal yang amat besar. Seorang kanak-kanak lelaki begitu gemar bermain-main di sekitar pokok epal ini setiap hari. Dia memanjat pokok tersebut, memetik serta **memakan epal sepuas-puas** hatinya, dan adakalanya dia berehat lalu terlelap di perdu pokok epal tersebut. Budak lelaki tersebut begitu menyayangi tempat permainannya. Pokok epal itu juga menyukai budak tersebut.

Masa berlalu... budak lelaki itu sudah besar dan menjadi seorang remaja. **Dia tidak lagi menghabiskan masanya setiap hari bermain di sekitar pokok epal tersebut.** Namun begitu, suatu hari dia datang kepada pokok epal tersebut dengan wajah yang sedih.

"Marilah bermain-mainlah di sekitarku," ajak pokok epal itu.

"Aku bukan lagi kanak-kanak, aku tidak lagi gemar bermain dengan engkau," jawab budak remaja itu.

"Aku mahukan permainan. Aku perlukan wang untuk membelinya," tambah budak remaja itu dengan nada yang sedih.

Lalu pokok epal itu berkata,

(tegur / sokong) mana-mana zine / stuff pun boleh. Kalau terkeliru dengan hasil karya sapa-sapa, boleh dapatkan penjelasan dari yang 'tukang buat' itu sendiri.... jangan buat kesimpulan sendiri. Bukan susah sangat, bukan diaorang nak pukul atau saman (!) kalau kita komen / tanya, betul tak?



"Rokok? Dadah? Seks bebas? Alkohol? Oh... Tidak!!!"

STRAIGHT EDGE (SxE). Bak kata kawan aku, SxE ni hanya label merujuk kepada mereka yang dikatakan menjalankan hidup yang sihat. Aku tak merokok, tak minum arak, tak seks bebas, & tak isap dadah. Nak panggil aku 'SxE' ke? Boleh jugak! Hihihihi.... Agak ganjal, tapi boleh laa.. Namun begitu, kalau 'gelaran' SxE ni menjadikan aku dikelilingi batasan untuk berkawan, makan, dan hidup 'ceria', tak payah la susah-susah nak panggil aku 'SxE'. Bukan bermaksud untuk 'menyerang' SxE, tapi aku ada nampak orang yang mengambil SxE ni dengan cara yang salah. Terutama dalam komunikasi dengan yang tidak 'SxE' seperti dia. Bukan itu saja, malahan aku sendiri pernah mempunyai persepsi yang kurang baik terhadap SxE. Dan itu memang silap aku laa (aku, saya dan prejudisnya!). Aku mintak maaf :) . Terima kasih juga kepada kawan-kawan SxE aku yang 'cool' serta terangkan apa yang aku tak paham. Apa yang aku bimbang ialah bila SxE ni jadi satu 'puak' yang tidak mahu bercampur dengan orang yang tak SxE. Mungkin aku silap! Mungkin aku betul! Lagipun bilangan masih 'kecil', kalau dah ramai... ntah laa... tunggu dan lihat? Atau buat sesuatu untuk menjadikan masa depan lebih baik...?



"Satu lagu aku jual RM 1000.00... amacam? Boleh?"

MAJOR LABEL. Apa yang kau sibuk?! Kan salah satu etika penting dalam U/G adalah D.I.Y (Do It Yourself = 'buat sendiri'). Dah kalau 'band itu' dah tak

kita dulu :(. Bayangkan ini; hisap dadah satu hal, lepas tu bila 'kantoi', menyusahkan kawan yang tak isap dadah satu hal pulak... kan susah! Berenti la isap dadah... tolong la!!! Keadaan kita lebih baik tanpa dadah!



"Pandanglah.... lihatlah..... tiru macam saya!"

PENGIKUT 'SETIA'.

Seseorang yang menjadi 'idola' ramai pasti akan 'glamor'. Kadang-kadang sehingga wujudnya perasaan (yang agak keterlaluan) segan / takut silap / malu dengan 'idola' ni. Takut juga sampai satu tahap dimana wujud pula golongan 'tukang angguk' demi untuk menjaga hati 'idola' masing-masing. Dah macam 'idola' mereka tu ada peringkat (level) lain yang agak istimewa pulak. Janganlah duk macam tuu... kitakan sama aje.. makan pun sama ikut mulut jugak! :) Tak payahlah nak bergantung kepada orang lain sangat. Kalau korang nak tahu (bagi yang tidk perasan!), dalam tengkorak korang tu ada benda yang kebanyakan orang panggil otak. Fungsi otak adalah untuk berfikir. Jadi gunakan laa...!



"Helo... helo... line tak jelas laa.."

KOMUNIKASI. La ni memang senang nak berhubung bila berjauhan; talipon ada, faks ada, e-mel ada,.. apa susah?! Cuma nak dengan tak nak aje. Aku nak tulis pasal pengalaman aku dan e-mel. Mula-mula aku tak minat nak guna e-mel ni. Rupa-rupanya barulah aku sedar, bukan aku tak minat, sebenarnya aku tak reti!(Terima kasih kepada kawan aku yang ajar aku guna emel!) :) Dengan e-mel aku boleh dikatakan 'berani' sikit. Macam tulis surat laa. (kalau aku cakap kat talipon pasal ni, mau tergagap giler!). Kalau boleh korang buatlah e-mel dan mula tulis kepada sesiapa saja. Yang penting jangan segan dan bertujuan untuk belajar (nak cari kekasih pun boleh, kot?). Tulis la kat member / kenalan baru. Nak komen

"Kalau begitu, petiklah epal-epal yang ada padaku. Jualkannya untuk mendapatkan wang. Dengan itu, kau dapat membeli permainan yang kau inginkan."

Budak remaja itu dengan gembiranya **memetik semua epal** di pokok itu dan **pergi dari situ.** Dia tidak kembali lagi selepas itu. Pokok epal itu merasa sedih.



Masa berlalu...

Suatu hari, budak remaja itu **kembali.** Dia semakin dewasa. Pokok epal itu merasa gembira.

"Marilah bermain-mainlah di sekitarku," ajak pokok epal itu.

"Aku **tiada masa** untuk bermain. Aku terpaksa bekerja untuk mendapatkan wang. Aku ingin membina rumah sebagai tempat perlindungan untuk keluargaku. Bolehkah kau menolongku?" Tanya budak itu.

"Maafkan aku. Aku tidak mempunyai rumah. Tetapi kau boleh memotong dahan-dahanku yang besar ini dan kau buatlah rumah daripadanya." Pokok epal itu memberikan cadangan.

Lalu, budak yang semakin dewasa itu **memotong kesemua** dahan pokok epal itu dan pergi dengan gembiranya. Pokok epal itu pun tumpang gembira tetapi kemudiannya merasa sedih kerana budak itu tidak kembali lagi selepas itu.

Suatu hari yang panas, seorang lelaki datang menemui pokok epal itu. Dia sebenarnya adalah budak lelaki yang pernah bermain-main dengan pokok epal itu. Dia telah matang dan dewasa.

"Marilah bermain-mainlah di sekitarku," ajak pokok epal itu.

"Maafkan aku, tetapi aku bukan lagi budak lelaki yang suka bermain-main di sekitarmu. Aku sudah dewasa. Aku mempunyai cita-cita untuk belayar. Malangnya, aku tidak mempunyai bot. Bolehkah kau menolongku?" tanya lelaki itu.

"Aku tidak mempunyai bot untuk diberikan kepada kau. Tetapi kau boleh memotong batang pokok ini untuk dijadikan bot. Kau akan dapat belayar dengan gembira," cadang pokok epal itu.

Lelaki itu merasa amat gembira dan **menebang batang** pokok epal itu. Dia kemudiannya pergi dari situ dengan **gembiranya** dan **tidak kembali** lagi selepas itu.





Namun begitu, pada suatu hari, seorang lelaki yang semakin dimamah usia, datang menuju pokok epal itu. Dia adalah budak lelaki yang pernah bermain di sekitar pokok epal itu.

"Maafkan aku. Aku tidak ada apa-apa lagi nak diberikan kepada kau. Aku sudah memberikan buahku untuk kau jual, dahanku untuk kau buat rumah, batangku untuk kau buat bot. Aku hanya ada tunggul dengan akar yang hampir mati..." kata pokok epal itu dengan nada pilu.

"Aku tidak mahu epalmu kerana aku sudah tiada bergigi untuk memakannya, aku tidak mahu dahanmu kerana aku sudah tua untuk memotongnya, aku tidak mahu batang pokokmu kerana aku berupaya untuk belayar lagi, aku merasa penat dan ingin berehat," jawab lelaki tua itu.

"Jika begitu, berehatlah di perduku," cadang pokok epal itu.

Lalu lelaki tua itu duduk berehat di perdu pokok epal itu dan berehat. **Mereka berdua menangis kegembiraan.**

Pokok epal ialah ibubapa dan budak lelaki adalah anak Hargailah ibubapa kita ☺.

*SEMANGAT. KEIKHLASAN DAN KAJUJURAN

Aku dilahirkan didalam situasi yang kurang segala-galanya.Maksud segala-galanya ialah kurang kasih-sayang dari sebuah keluarga , kurang kemudahan , kurang upaya kerang kebolehan dari segi kemahiran . Tapi ini tidak manjadi sebab untuk aku tunduk kepada kelemahan yang ada pada diri aku sendiri , selagi aku tak berusaha untuk memulihkan keadaan aku sekarang maka aku mungkin akan menemui jalan yang penuh dengan kebuntuan.

Aku kenalah berusaha untuk mencari jalan yang akan menjayakan hidup aku sekarang nie, aku akan lupakan segala kelemahan yang ada pada diri aku sekarang dan aku akan mencari jalan yang akan membahagiakan diriku untuk masa akan datang. Buat masa sekarang aku hanya mampu untuk memulihkan semangat yang ada pada diri aku sendiri, jadi ini akan menjadi satu usaha yang selama ini aku nafikan, setelah dulunya aku memang tak pernah percaya pada diriku sendiri .

Sekarang nie kita bercerita tentang semangat yang ada , aku yakin yang aku akan mengahasilkan satu kejayaan di asatu hari kelak tapi ia kenalah berpunca pada diri kita dahulu. Semangat itu penting pada diri kita sendiri , kalau kita tidak bersemangat buat apa kita mesti teruskan apa yang kita lakukan sekarang , buat apa kita merugikan masa dan tenaga kita selama ini...????

Semangat itu penting jika kita hendak membuat sesuatu yang kita sendiri nak lakukan . Semua benda yang ingin kita lakukan mestilah ada nilai komersial akan menimbulkan satu 'kecemburuan sosial' antara kita? Apalah salah pakai pakaian murah (dan selesa!) ..? Best apa! Tak perlu nak pandang 'pakaian sapa paling mahal' - tapi lebih senang dengan diri sendiri untuk bergaul dan berkomunikasi. Cubalah! (bagi siapa yang belum..). . Kat bundle tu banyak pilihan... Hidup bundle!! :)



"Mana zine kegemeran aku?"

ZINE. Banyak betul zine sekarang ni! Bagus laa... lagi banyak lagi bagus! Kalau boleh setiap orang buat satu zine (setiap orang adalah editor gitu..) :) . Janji menepati 'fungsi' zine - memberi informasi di samping hiburan. Aku percaya setiap orang punya pandangan masing-masing dalam sesuatu isu. Paling koman pun... tulis artikel dan hantar kat mana-mana zine. Jangan dok maki sesuatu sorang diri aje. Orang lain nak dengar jugak apa pandangan kau. Jangan takut silap laa.. kita kan kawan, mesti ada yang tegur / sokong setiap pandangan kau. Bukankah itu sudah membuka laluan komunikasi dan persahabatan? Bagus apa! Apa lagi? Apa yang ditunggu lagi? Pergilah tulis sesuatu dan 'bina' lah zine kegemaran anda! Emm.. newsletter pun boleh^^



"Elek la... brotherrrrr~~~~"

DADAH. Arghh... kita ada banyak ni, kot? Masalah besar ni! Korang ada member yang hisap dadah? Ada?! Mmm... aku bayangkan, rugi besarla kalau aku isap dadah. 'Mengkayakan' lagi orang yang kita benci - kapitalis / penindas / rip-off / perosak masyarakat, dan macam perkataan yang menuju kepada orang yang kita perjuangkan agar mereka ni pupus. Dan aku rasa, menyokong mereka dengan membeli dadah (memberi mereka duit!) bukanlah menuju ke arah 'kepupusan' mereka, malahan memperkuatkan lagi kedudukan mereka! Entah-entah mereka yang akan 'pupuskan'

<Oh^Soul.> ajak la fizam tuu
<jo> dia datang
<jo> sure punya
<Oh^Soul.> ko ada phone dia?
<jorji> tak da
<Oh^Soul.> e mail?
<jo> pun tak da
<jo> sorry
<jo> hehe
<Oh^Soul.> camna nak kontek aa?
<jo> hehe
<jo> kena datang seremban la
<jo> tu jer satu2nya cara
<Oh^Soul.> diaorang ni lepak kat mana lagi..
<Oh^Soul.> aku tau sopan jee..
<jo> hehe
<jo> terminal 1 la
<jo> tak da tempat lain
<Oh^Soul.> :)
<Oh^Soul.> tengok laa
<jo> hehe
<jo> ok
<Oh^Soul.> mungkin jumpa dia kat aetor kot
<jo> yeah
<jo> jumpa aku sekali
<jo> bawak zine kau sekali
<Oh^Soul.> kalau siap laa
<jo> ok
<Oh^Soul.> ko pun bawak la apa2...
<jo> hehe
<jo> ada
<Oh^Soul.> dokumen tender pun takpe..
<jo> hahaha
<jo> berat tu
<Oh^Soul.> selamber..
<Oh^Soul.> wei..
<Oh^Soul.> aku bla dulu..
<jo> ok
<jo> jumpa lagi
<Oh^Soul.> thanks!
<jo> bye2
<jo> :)
<Oh^Soul.> bye!
<jo> np
<jo> :)
<Oh^Soul.> :)
<Oh^Soul.> N



TAK PERLU KEPADA TAJUK

(bukankan memang begitu selama ini?)



"Jangan tak pakai baju!!"

PEMAKAIAN. Ya la... aku tau la nie nagara 'bebas'. Tapi nak ikut sedap aje nak pakai apa yang kau suka. Nak pakai yang berjenama... Selai baju dah dekat RM 50, seluar RM 70, topi, kasut, bla.. bla... ratus-ratus tuu.. Mungkin aku ni 'miskin'. Walau aku ni miskin, aku tak mahu jadi 'model tak berbayar' jenama 'Adidak', Nieke, dan apa benda jenama lain entah. Best sangat ke promosi jenama-jenama pakaian tuu..? Tu la antara persoalan yang aku tanya diri aku sendiri bila aku berada di gig. Dah macam pegi pertunjukan fesyen plak... Aku bukan nak 'hukum' orang atau nak tetapkan etika 'kod pemakaian', tapi bukankan pemakaian yang punyai jurang semangat, kalau tak ia tidak akan berjaya...betul tak..????Aku percaya kepada diriku sendiri, dan aku percaya kalau didalam diri sendiri jika ditanam nilai @ sifat semangat yang ada, kita akan mampu membuat suatu benda itu dengan jayanya.

Kita mestilah membuat sesuatu benda itu dengan keikhlasan. Keikhlasan itu berpunca dari semangat yang ada. Jadi kita kenalah menanam sifat semangat untuk kita melakukan suatu pekerjaan itu dengan ikhlas.

Kadang-kadang aku terfikir sejauh mana kita lakukan apa sahaja yang ingin kita lakukan tanpa nilai keikhlasan dan bersemangat .Kalau kita tidam mempunyai nilai-nilai tersebut, sudah tentu apa yang kita buat tidak akan menemui kejayaan .Tapi pernahkah anda fikirkan sejauh mana nilai-nilai keikhlasan dan semangat yang ada mampu menjayakan kita di suatu hari kelak..???



Bolehkah kita melangkah jauh jika kita mempunyai semangat @ keikhlasan...????, jawapannya boleh tapi ia tertakluk kepada situasi, kemampuan diri dan kejujuran yang ada ....

Jadi kepada kawan-kawan yang membaca artikel ini, aku menyeru supaya anda menanam nilai semangat, keikhlasan dan kejujuran demi ingin berjaya di dalam apa bidang yang anda ceburi. Aku tidak mengatakan yang aku penuh dengan semangat untuk menjaykan diri aku sendiri tetapi jika kita tidak melakukan sesuatu pada diri kita sendiri, apa gunanya....!!!!.Aku seorang insan yang lemah dan memerlukan sesuatu untuk memperbaiki diriku sendiri. Tidak salah kalau kita nasihat-menasihati kepada kawan-kawan kita untuk melakukan sesuatu kepada diri mereka sendiri...



Apa yang aku lihat sekarang nie banyak perubahan yang ad apada diri remaja sekarang ; Contohnya kita sekarang terdedah dengan nilai-nilai kemodenan, banyak kemudahan yang ada, banyak maklumat yang cepat kita terima dalam sekilip mata sahaja.... Jadi jangan bazirkan masa anda dengan dunia sekarang, gunakanlah sepenuhnya kemudahan yang ada dan janganlah lupa akan **'etiks'** yang dah menjadi daging kita kerana ia akan membuatkan kita berfikir diatas apa tindakan kita selanjutnya.

Aku rasa cukup untuk kali ini, semoga anda dapt sesuatu di atas apa yang aku nyatakan diatas *takdi*. Semoga anda menemui jalan yang terbaik untuk diri anda dan lakukanlah sesuatu untuk memperolehi kejayaan pada diri anda sendiri dan jangan lupakan apa yang tertakluk pada diri anda sendiri supaya kita mengingati siapa diri kita sebenarnya !!!

Okey... apa khabar? Sini aku nak cerita atau boleh dikatakan berbincang laa... Sebab apa yang aku nak kata / tulis boleh dikatakan atas pengalaman dan ilmu yang aku ada. Maknanya apa yang aku tulis adalah pada sudut / perspektif aku.

Tajuk atau topik yang nak aku tulis / bincang adalah mngenai penggunaan bahasa dalam scene kita nie. Iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (2 bahasa yang paling banyak digunakan). Mana lebih bagus?

["I don't understeng sepatah haram apa yang you cakeppp..."]

Mula-mula bahasa Inggeris: Tak dinafikan secara globalnya bahasa ini boleh difahami oleh orang-orang di Amerika, England, Turki, Utopia, Singapura, Indonesia, Australia, dan banyak lagi negara-negara di dunia ini. (sedikit terima kasih kepada sistem pembelajaran negara kita kerana mengajar bahasa Inggeris sebagai salah satu subjek utama di sekolah.. ☺). Sungguh mudah untuk berkomunikasi dengan kawan-kawan di luar negara kalau pandai bahasa Inggeris.



Kebanyakan (aku rasa laa..) stuff yang dikeluarkan dimana-mana scene di dunia ni pun ada keluarkan stuff dalam bahasa Inggeris. Erti kata lain, kalau reti bahasa Inggeris, kita boleh baca stuff luar negara. Hmm... kalau tak reti tu.. kena la tunggu kawan kita cerita mengenai stuff tersebut (dengar, senyum dan terganga). Itu pun kalau ada yang mahu cerita~~~~ ☹

Tapi mengapa bahasa Inggeris? Bukanakah mengikut tinjauan, bahasa yang paling banyak digunakan adalah bahasa Cina (Manderin atau sejenis dengannya... aku tak pasti..) ?!! Mengapa kita tak guna sahaja bahasa tersebut bukankah bahasa penggunaan paling banyak akan memberi kesimpulan orang paling banyak gunakan bahasa itu ? Yaa... yaa sekali lagi aku kenalkan korang kepada sistem pendidikan kita! Mungkin kerana ekonomi negara kita selalu melibatkan perhubungan menggunakan bahasa Inggeris, sebab tu la diaorang ajar kita bahasa Inggeris kat sekolah...

[" 'yes sir!' , 'no sir!' that is what we all been learning!"]



Camna pula dengan bahasa Melayu ? Bangsat sangat ke bahasa Melayu?!!! Sampai yang ada malu nak cakap melayu dengan aku bila jumpa kat gig atau masa lepak dengan kawan-kawan. Lain la kalau kau tak reti lansung bahasa Melayu..tu lain la crita.

["demo kecek gapo dia gok? Belebe dari takdi doh..."]

Jika bahasa Inggeris boleh dikatakan difahmi di negara-negara yang aku sebut tadi.. bagaimana pula tempat- tempat 'eksklusif' seperti Teluk Kemang, Beserah, Pahang Tua, Kemamam (Kemamang!), Bachok, Bota, Tampoi dan lain-lain tempat di nagara kita sendiri. Tempat yang boleh dikatakan bahasa Inggeris tidak dapat dikuasai dengan baik oleh majotiri penduduk kawasan itu. Adakah 'mesej' kita (etika, DIY, protes, kebenaran, persahabatan, cinta dan lain-lain) sampai ke pengetahuan mereka yang kureeng penguasaan (dan tahap penguasaan yang penyedihkan!) dalam bahasa Inggeris. Semestinya tidak!(jika tiada pihak ke-tiga mungkin~~). Begitu juga apa bila memperjuangkan kelas pekerja yang biasanya ditindas oleh majikan yang tidak bertanggungjawap – bukankah masalah apabila kita atau sesiapa saluja yang mempertahankan hak mereka menggunakan bahasa yang sama digunakan oleh bos-bos mereka yang menindas – bahasa Inggeris. Aku bimbing mereka membuat kesimpulan ringkas menyatakan orang yang gunakan

'CHAT' DENGAN JO

<Oh^SouL> ko rasa pakai BM ke BI elok?
<jo> BI ngan BM
<jo> kalau BM kena la susun ayat power
<jo> BI tak power tak pa
<jo> ayat power maksud aku....ayat rasmi
<jo> ayat sastera
<Oh^SouL> ayat rakyat ?
<jo> kalau ayat rock....tak bagus sangat

... berhenti sebab Jo kata nak pegi makan.....

.... esoknya walaupun tidak berjanji aku jumpa lagi Jo dan kita pun sambung la dimana kita berhenti.....

<Oh^SouL> pasal bm dan Bi semalam
<jo> yeah
<jo> pasal tu
<jo> hehe
<jo> kau nak buat dalam apa
<jo> bm ke ni?
<Oh^SouL> ha'ah..
<Oh^SouL> mungkin bm rock bagi kau kot..?
<jo> hehe
<jo> rock
<jo> try guna bm class
<Oh^SouL> nanti orang tak faham pulak
<Oh^SouL> jadi macam indon laa..
<jo> faham
<jo> bm yang standard la
<jo> bukan macam indon
<Oh^SouL> ada persepsi ke kalau bm rock ni?
<jo> bukan
<jo> pasal bm rock tu sangat biasa pada zine
<jo> try buat kelainan la pulak
<jo> ini cadangan jer
<Oh^SouL> kang jadi macam buku teks sejarah pulak..
<Oh^SouL> :p
<jo> hehehe
<jo> tak la
<jo> pandaila kau ejas
<jo> hehe
<Oh^SouL> kira kena serius ke buat lawak sikit2?
<jo> campur
<jo> article serius..serius la
<jo> kalau hal kelakar..boleh la joke kot
<jo> ada banyak zine..untuk references
<Oh^SouL> ok..
<Oh^SouL> jadi isi slang daerah kena buang laa!
<jo> slang daerah?camna contohnya tu?
<Oh^SouL> aku cadang nak 1st satu artikel slang trg gitu
<Oh^SouL> tak class kot?
<jo> oh
<jo> ok tu
<jo> itu kira bagus
<jo> ok
<jo> aku tanya sikit boleh?
<Oh^SouL> boleh..
<jo> ok
<jo> aku tanya ni. bukan nak kata aku bagus la or apa2
<jo> heheh
<jo> saja tanya
<jo> pasal zine kau gak la
<jo> ok
<jo> apa tujuan zine ni?
<jo> apa tujuan kau buat dan release zine tu?
<Oh^SouL> berkongsi
<jo> ok
<jo> lagi?
<Oh^SouL> cinta
<jo> cinta?
<jo> camna tu?
<jo> sampai kan mesej cinta?
<Oh^SouL> bukan cinta awek..
<Oh^SouL> cinta untuk berkongsi,berkomunikasi...etc..
<jo> oh
<jo> ok
<jo> so..sama la ngan tujuan aku
<jo> hhe
<jo> lebih kurang la
<jo> jadi....mesti mau disampaikan dengan baik
<Oh^SouL> dan terbaik!
<Oh^SouL> :)
<jo> so,orang boleh menghargai or...respect ngan isinya
<jo> yeah
<jo> terbaik!
<Oh^SouL> masti tanya yang terbaik~~
<Oh^SouL> masti tanya dari org yang terbaik~~
<Oh^SouL> hihih
<jo> ehehe
<jo> maksud aku
<jo> sama2 la kita buat yang terbaik
<Oh^SouL> betul..
<Oh^SouL> betul..
<Oh^SouL> wei.. 24 ni ko pegi actor?
<jo> pergi
<jo> kau?
<Oh^SouL> tengok sen..
<jo> hehe
<jo> datang la

CINTA

Bahagian 2

Yaa.. yaa... Hari ini aku dilamun cinta. Cinta pandang pertama bak kata orang tua-tua (*otai!*).... Sejarah berulang..... jika nafas cinta itu dihidu oleh *Rumi dan Juli* entah berapa lama dulu, kini aku pula menydut nafas itu dan aku rasa tidak mahu menghembusnya lagi.

Aku rela bersamamu hingga akhir hayat nanti... susah & senang... sihat & sakit... muda & tua... **Sentiasa bersamamu walau apa pun risikonya dan harganya**... Ops...! Risiko apa?!.. Harga apa?!..

Kalau 'bercinta', mesti selalu nak jumpa, kalau jumpa mesti kena makan. **Sapa nak bayar? Aku la!**.. kerana cinta, apa sangat la makan **RM 7-8 sorang** tuu...

Okey.. nak pegi jalan-jalan lagi.. takpe.. takpe... aku kan ada kereta.. cakap aje nak pegi mana..*Genting..? Lido..? T.C..? Siam..?* Cakap! Akan aku bawa ke mana saja walau pun kau mahu ke *'bulan'* nun...

Alamak.. kalau berjauhan pulak macammana yek? Tak pe.. aku beli **henpon**, satu untuk dia, satu untuk aku laa.. Senang sikit nak berhubung.. Kalau rindu, telepon aje! Hihihi... Ala.. **henpon bukan mahal** sangat... **RM 400**-dah boleh dapat 2. buah **tak sampai seribu pun**.. Aku telepon malam ajee (murah la telepon malam). **Bil bulan-bulan ratus-ratus aje.. bukan sampai seribu pun...**

Belanja lantak la abis berapa pun. Tak kisah! **Takkan abisnya duit bapak aku yang juta-juta** tu.. 2-3 keturunan pun belum tentu abis lagi.. yang penting C.I.N.T.A.

Bak kata kawan aku... "**Cinta nie umpama berada di dalam satu unit yang lengkap**. Apabila kita berada dalam unit lengkap,kita adalah satu unit yang sempurna. Tidak perlu lagi kepada dunia luar ". *Berehh..* betul agaknya kata kawan aku tuh!



Terputus? Mana boleh terputus... aku kan sudah curahkan kepadanya *kasih – sayang , kemewahan, dan kesenangan*. Apa lagi yang dia nak?!

Terputus jugak? Erm.. aku.. aku.. Tak mungkin! Tak mungkin! Tidak!!! Musnahlah hidup aku... aku... aku... arrghhh.. Aku tidak punya lagi tujuan hidup....! Yaa.. ya... aku ada caranya... **bunuh diri!!** Hahahahaha!! Hahahaaha!!....

Nanti dulu.... aku cinta dia... dia cinta aku tak? Hoi *Siti Norhalizah*...!!! Kau cinta aku tak???!.....

[tamatlah impian 'pencinta' agong]

bahasa yang sama dengan bos mereka merupakan seanggkatan dengan bos mereka..... ☹

'Politik' penggunaan bahasa Inggeris nie pula ditambah dengan pengeluaran hasil-hasil kerja (stuff) dalam bahasa Inggeris. Jangan kata orang laa.. aku pun pernah keluarkan sebuah zine 'bahasa Inggeris'. Kononnya untuk 'pasaran antarabangsa – supaya mesej didengar oleh seluruh warga dunia'. Tapi apa yang aku dapat ialah aku boleh dikatakan 'gagal' untuk sampaikan mesej kepada kawan aku sendiri (penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah) ☹. Yang comel tu, ada pula yang keluarkan karya macam orang putih pulak tuu.. cuma tukar lirik dan latarbelakang aje...! Kat sini tentu orang cakap "Koya orang putih !" hahahahhh....

["Koya orang putih sung nin... "]

Yaaa... betul.. ada istilah bahasa Inggeris yang jika di terjemahkan juga akan kedengaran agak kelakar.. "teras keras", "hujung lurus", "babak" , dan banyak lagi istilah yang jika ditafsir, menjadi kekok untuk digunakan. Namun begitu perkataan asas tersebut pasti difahami oleh budak dalam scene kita. ☺



Bapak aku selalu marah apabila melihat dalam TV pemimpin negara cakap bahasa Inggeris ditempat yang tidak sepatutnya. Aku rasa ada patutnya juga bila dia marah sebab aku rasa sebagai pemimpin rakyat (memimpin rakyat jelata yang majoritinya berkomunikasi dalam bahasa Melayu), dia mesti banyak bercampur dengan rakyat dan selalu berkomunikasi dengan mereka (dalam bahasa Melayu!). Ini sebaliknya berlaku. Mungkin kerana terlalu banyak bergaul dengan golongan kapitalis yang selalu ber'speaking' jee..(opss! Aku tak bermaksud cakap bahasa Inggeris = kapitalis).

Begitu juga dengan kawan-kawan aku... Kalau pinjam stuff, dah tentu diaorang cari stuff (zine terutamanya) yang dalam bahasa Melayu, kalau tak jumpa, barulah ambil stuff yang bahasa Inggeris (di tahap yang mereka rasakan mereka faham–). Demi untuk belajar katakan.



Ada juga antara kita yang faham apa yang aku maksudkan dan sanggup untuk mengalih bahasa artikel-artikel dari luar dan terjemahkan ke bahasa Melayu. Terima kasih aku ucapkan kepada mereka! Begitu juga kepada mereka yang menciplak artikel luar dan katakan mereka yang buat.. tak kisah lah janji mesej dalam artikel itu sampai ke minda kawan-kawan yang membaca....

Ops... aku tersimpang sikit.. tersimpang ke Jepun dan Indonesia dimana aku lihat banyak stuff mereka di buat dalam bahasa ibunda mereka.. **Adakah yang menggunakan bahasa ibunda mereka itu boleh dilabelkan sebagai patriotik atau pun racist?? Yaa**.. kalu guna bahasa Melayu, dikatakan racist! Itu yang aku kurang faham tuu.. boleh sapa-sapa gegarkan otak aku ni agar aku faham?..

["koniciwa .. pak!"]

Okey.. dah banyak aku tulis ni.. aku kata tadi nak berbincang.. ni dah macam belebel sorang diri dah ni.... gilo kah den??

Sebelum aku akhiri, nie ada cetusan minda sikit selepas aku baca balik apa yang aku tulis ; Mempelajari bahasa Inggeris itu adalah ilmu. Ruang untuk mempelajarinya agak luas terbuka di negara kita (sistem pendidikan, dasar kerajaan bla.. bla..). Rebut peluang yang ada. Pada masa yang sama juga bertanggungjawap kepada mereka yang tidak punyai peluang itu. Pastinya jambatan komunikasi yang aku rasa terbaik (lebih baik!) adalah menggunakan bahasa Melayu (dalam negara kita 'tercinta' ni la!). Harap dengan komunikasi sahajalah mesej kita bukan sahaja berlegar dalam scene, tapi juga kepada meraka yang kabur di 'luar' sana.

Sekian.

Untuk mung - kawang....

(untuk mu - 'kawan')

Kawan.....,
Terima kasih kerana sudi jadi kawan aku,

Kawan,
Pelawaan kau,
Ajakan kau,
Pujukan kau (paksaan kau?),
Untuk mencuba rokok jenama itu,
Tidak dapat aku tolak,

Lihatlah sekarang kawan,
Aku sedang menikmati rokok yang lebih mahal dari dulu...

Kawan,
Kau kenalkan aku kepada ganja,
Arrghhh....
Mmmm.....
Fuh! (ke awangan!!)
Hingga aku kau 'racun' bersama,

Lihatlah sekarang kawan,
'Barang' yang aku nikmati lagi hebat dari kau...

Kawan,
Ingatkah kau teman yang kau kenalkan dulu??
Kacak,
Comel,
Seksi... (Geramnyee..!!)
Dan aku bukan lagi kanak-kanak malam itu,

Lihatlah sekarang kawan,
Aku sudah jarang tidur sendirian lagi...

Kawan,
Seronak betul perti di rumah kau,
Hahahaha..
Erk!
Hahahaha.. (kalakar konon~)
***Minuman keras** itu sebabkan aku tidur di pintu jamban,*

Lihatlah sekarang kawan,
Aku perlukan 5 kali ganda minuman untuk semabuk itu...

Kawan,
Kau ceramah kepadaku mengenai bangsa kita,
Hidup!
Semangat!
Juang! (Riot?)
*Jangan lupa untuk **pakai lambang 'empat kaki'***

Lihatlah sekarang kawan,
'Pejuang sebangsa' ini telah berjaya penge'pau' warga asing...

Kawan,
Kaulah kawan 'belajar' aku.
Matematikus.
Fizikiponteng.
Sainssial (cikgu boleh blah!)
***Apa kelas study**, baik isap rokok kat tandas...*

Lihatlah sekarang kawan,
Aku sentiasa ditipu oleh golongan kapitalis...

Kawan,
Kau ajak aku bermain dalam kumpulan kau,
Lagu jiwang...
Lagu karat...
Lagu sedih... (baru boleh masuk radio!)

Lihatlah sekarang kawan,
Aku dah tak peduli nak sampaikan mesej lagi...

Kawan,
Kau 'tolong' aku buat zine,
Artikel sampah,
Interview hampas,
Review mainstream (sungai utama?)
"Support la zine aku yang underground giler ni...."

Lihatlah sekarang kawan,
Aku dah dapat support dari major label untuk 'zine' aku..

Kawan,
Kau tunjuk fesyen terbaru,
Ala 'jagung'..
Ala hup-hip..
Ala 'Kurdt'.. (ala Arus)
*Bak kata kau, **"kita mesti ikut aliran zaman"***

Lihatlah sekarang kawan,
Kasut + Seluar + Baju + Topi ..... cuma dekat RM 700 ajee...

Kawan,,
Kau ni kawan aku ke?